

06/11/1997

Taib anggap kenyataan Soros bela Mahathir

KUCHING, Rabu - Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, menyifatkan kenyataan George Soros berhubung perlunya kawalan terhadap perniagaan mata wang antarabangsa, adalah pembelaan terhadap kebenaran Perdana Menteri.

Beliau berkata, kenyataan itu seharusnya menghakis pandangan salah sesetengah pihak terhadap Datuk Seri Dr Mahathir, yang mana sebelum ini ada yang menganggap Perdana Menteri tidak percaya kepada perdagangan bebas dan liberal.

"Saya rasa kebenaran telahpun mendapat pembelaan yang baik, bila kita mendengar Soros mengatakan bahawa cara perniagaan mengenai wang di kalangan masyarakat antarabangsa patutlah diberikan kawalan tertentu.

"Inilah sebenarnya pandangan Perdana Menteri bila mana beliau telah bercakap di mana-mana selepas krisis wang di Asia Tenggara, walaupun pada mulanya orang menganggap PM tidak percaya kepada perdagangan bebas dan liberal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Soros itu di sidang akhbar di Wisma Bapa Malaysia, di sini.

Katanya, sekarang bila terkena negara Barat di atas akibat kegiatan yang tak terkawal, baru mereka tahu bahawa mesti ada peraturan dalam menjalankan perniagaan antarabangsa.

(END)